

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 12/2023

## EDITORIAL BOARD

### PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

### COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

### CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

March to October 2023

## **Tekad Perpaduan Penuhi Harapan**

***Ditulis Oleh: Suhaila Sharil  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau***

Pelangi indah tiba selepas hujan menyinari seorang wanita yang duduk di tepi bangku bersulamkan pisang goreng yang dikunyah perlahan-lahan memikirkan dan merenung ke dasar mengenai nasibnya selepas ini. Beliau adalah seorang wanita periang, ceria, suka beramah mesra, bergaul dengan rakan berlainan agama, namun dek kerana sesuatu yang terjadi dalam hidupnya ia mengubah seluruh kehidupannya. Itulah Islam yang menjadi agamanya selepas beliau meninggalkan agama Buddha kerana percaya bahawa ada satu kuasa yang lebih besar dari apa yang disembahnya sehari-hari. Nama asalnya adalah Lee Shing Zhe. Beliau dahulunya adalah seorang anak kepada orang ternama di tengah-tengah kota yang tidak pernah kedekut memberi harta kepada orang kurang berkemampuan. Namun disebabkan Lee Shing Zhe menyatakan keislamannya ketika beliau di universiti kerana terdengar ayat yang dibaca oleh Amina sahabatnya yang tinggal berhadapan bilik dengannya maka beliau telah mencari apakah itu Islam sehingga beliau telah dibuang keluarga. Itulah hakikatnya dalam mencari agama sepertimana Nabi Ibrahim alaihissalam mencari Tuhannya sedangkan bapa Nabi Ibrahim Ketika itu adalah orang yang membuat berhala. Walaupun kehidupan Lee

Shing Zhe Abdullah seperti alah bisa tegal biasa dengan kemiskinan yang dihadapinya namun ia tidak mematahkan semangatnya untuk meneruskan pelajaran dan mencari ilmu dan mencuba bidang baru. Pusat zakat juga membantu kehidupannya selama ini di Universiti Kebangsaan Malaysia. Alhamdulillah beliau dapat berdikari walau tanpa ada keluarga di sisi. Segalanya bermula di sini, di suatu tempat di mana beliau berhijrah iaitu Persatuan Darus Saadah (Persatuan Cina Muslim).

Pada bulan Mei, beliau ternampak satu iklan Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan LPPKN dan Muzium. Lalu beliau melihat pertandingan-pertandingan yang akan diadakan bersempena sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan. Tiba-tiba air matanya bergenang kerana teringat ibunya yang telah memulaukannya disebabkan kerana agama. Antara pertandingan yang akan diadakan bersempena hari ibu adalah pertandingan memasak sambal gesek masak gulai labu, kukur buah kelapa dan perah santan. Beliau berazam untuk mendedikasikan ucapan penghargaan kepada ibunya. Terdetik sejenak, manakah mungkin akan ku sertai sedangkan aku tidak tahu memasak makanan Melayu. Secara kebetulan, Persatuan Darus Saadah (Persatuan Cina Muslim) meminta beliau untuk mewakili persatuan tersebut untuk bertanding dalam pertandingan Hari Ibu peringkat Kebangsaan. Antara cabaran yang

dilalui semasa ingin mendaftar adalah beliau ditanya bolehkah beliau memasak makanan Melayu sedangkan beliau berbangsa Cina? Lalu beliau menjawab beliau akan berusaha sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit.

Ketika cuti beliau pulang ke rumah Amina dan mempelajari masakan tersebut daripada ibu Amina yang berbangsa Melayu. Berbekalkan 5 hari Lee Shing Zhe telah mempelajari cara-cara menghidupkan api menggunakan dapur kayu. Paling menyeronokkan adalah apabila beliau menggunakan *face shield* semasa menumbuk menggunakan lesung batu kerana takut cili tersebut mengenai matanya dan digelakkan sinis oleh Amina. Antara tips yang diajar oleh ibu Amina adalah cili tersebut mestilah lumat ditumbuk kerana sambal gesek memerlukan sambal yang garing. Selain itu, terdapat juga tips lain yang dikongsi iaitu lemak labu tersebut mesti dikacau atau dalam bahasa lain digodak santannya dan jangan ditinggalkan periuk tersebut tanpa dikacau oleh senduk kerana kluatir santan tersebut akan pecah. Labu juga mempunyai cara potongan yang memudahkan untuk juri menikmati makanan.

Hari pertandingan telahpun tiba iaitu pada 10 Julai 2023. Semua peserta telah dimasukkan dalam kumpulan *whatsapp* untuk memudahcara. Dilihat terdapat 10 agensi yang menyertai pertandingan tersebut. Apabila wisel dibunyikan Lee Shing Zhe ibarat bagai lebah menghidupkan madu berusaha

membuat unggun api. Selepas itu beliau memotong labu dan menuangkan minyak ke dalam periuk. Usai memasukkan ikan bilis dan labu beliau memasukkan santan cair dan dikacau gulai tersebut sehingga 5 minit. Selepas itu beliau memasukkan serai yang telah diketuk dengan menuang santan yang pekat. Dengan berhati-hati beliau mengacau santan tersebut agar labunya tidak hancur. Berbaki 30 minit lagi beliau menumbuk cili api dengan garam dan gula dan memasukkan ikan bilis serta menumbuknya menggunakan lesung batu sehingga hancur. Setelah itu beliau perahkan limau nipis agar bau dan rasa sambal gesek tersebut terangkat. Petuanya jangan terlalu hancur kerana dikhuatiri rasa tersebut akan hilang. Beliau mempunyai 15 minit untuk menghidangkan kepada juri dan beliau menggunakan pelepah daun pisang serta menghias menggunakan kacang panjang untuk melilit periuk. Lada merah besar juga dipotong empat untuk digubah menjadi bunga bagi menarik perhatian juri. Warna kemerahan yang terdapat pada lada merah tersebut mampu mengangkat warna lemak labu yang kekuningan. Juri terinspirasi dengan orang Cina yang mampu memasak makanan orang Melayu mengikut citarasa sendiri. Pihak juri mengucapkan syabas dan tahniah di atas komitmen yang ditunjukkan oleh peserta. Alhamdulillah apabila keputusan diumumkan Aslina Lee mendapat Tempat Ketiga Pertandingan Memasak Lemak Labu Sambal Gesek, kukur

kelapa dan perah santan. Dedikasi beliau apabila ditemuramah mengenai tips menjadi juara dalam masakan adalah perpaduan kaum yang tidak tumpah seperti ibarat bagai isi dengan kuku. Bak kata pepatah ikut resmi padi semakin berisi semakin tunduk. Amina membawa hadiah hari Ibu kepada Lee Shing Zhe iaitu ibu kandungnya.

Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, cubit paha kiri paha kanan terasa begitulah yang dirasakan oleh Amina sepanjang berkawan dengan Lee Shing Zhe. Akhirnya, Lee Shing Zhe telah membuka kedai berasaskan makanan Melayu sehingga ditularkan di Majalah Tiga. Setiap kali perayaan keluarga Lee Shing Zhe dihadiri oleh keluarga Amina seperti Sambutan Tahun Baru Cina dengan membawa kuih dan memberikan *ang pow* begitu juga dengan Hari Raya Aidilfitri turut dihadiri oleh keluarga Lee Shing Zhe dengan menyediakan juadah dan makanan tradisi seperti lemang dan rendang. Bersatu kita teguh bercerai kita roboh itulah ungkapan yang boleh dikaitkan dalam ertikata perpaduan. Demi menjadi sebuah negara holistik, rakyat memerlukan kasih sayang yang jitu daripada hubungan kekeluargaan. Negara yang maju lahir daripada akhlak yang mantap. Pengorbanan ibu tidak akan terbalas kerana ibu suri hatiku sempena tema hari ibu peringkat kebangsaan 2023.

Semoga perpaduan yang ditunjukkan dapat menjadi contoh kepada semua yang

memeluk agama Islam. Islam tidak menghalang hubungan kekeluargaan dan Islam juga tidak memecahkan perpaduan namun Islam sangat menitikberatkan hubungan persaudaraan walaupun berlainan bangsa. Walau kita berbeza tetap teguh bersama.

**#Malaysia Madani, Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan**



**Gambar A: Pertandingan Kukur kelapa dan perah santan**



**Gambar B: pertandingan memasak gulai labu dan sambal gesek**



**Gambar C: Tempat ketiga Pertandingan Hari Ibu**